



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10.00 pagi, 8 Ogos 2025

Untuk Terbitan Media
8 Ogos 2025

SIARAN MEDIA

PUSAT REHABILITASI PERKESO DI IPOH MULA TERIMA PESAKIT

KUALA LUMPUR: Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan PERKESO mula menerima seramai 32 pesakit sejak 22 Julai lepas sebagai sebahagian daripada pelaksanaan operasi secara percubaan.

Dilengkapi teknologi *cybernics* daripada Jepun, pusat rehabilitasi terbaru daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang berkeluasan 15.6 hektar itu dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun hadapan.

Pengarah Eksekutif, Pusat Rehabilitasi PERKESO, Datuk Dr Hafez Hussain berkata, bangunan tersebut telah mendapat *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) bagi blok-blok dan mula menerima klien sejak dua minggu lepas.

“Kami telah mula menerima beberapa pesakit untuk program pemulihan awal dalam fasa rintis.

“Ini memberi ruang kepada pasukan kami untuk menyesuaikan diri dengan teknologi canggih serta memperkemas aliran kerja klinikal sebelum pengoperasian sepenuhnya,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Tambah beliau, kemajuan kerja fizikal di pusat pemulihan bertaraf dunia itu telah melebihi 95.40 peratus setakat 31 Julai 2025 yang mana ia kini telah melangkah ke fasa baharu melalui pelaksanaan operasi secara rintis.

“Perkembangan ini menandakan satu permulaan penting ke arah pengoperasian penuh menjelang tahun hadapan,” ujarinya.

Dalam pada itu, Dr Hafez berkata, pusat rehabilitasi itu bakal menjadi rujukan serantau dalam bidang pemulihan neurologi, ortopedik dan vokasional bersepadu menerusi sistem Hybrid Assistive Limb (HAL), yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

“Selain itu, pusat rehabilitasi ini mampu memuatkan 700 pesakit dalam satu masa itu dan akan memberi tumpuan kepada program pemulihan menyeluruh melibatkan aspek fizikal, psikososial, vokasional dan teknologi.

“Fokus kami adalah bagi memberi sokongan kepada golongan pekerja dan pencarum PERKESO yang mengalami kecacatan akibat kemalangan pekerjaan,” katanya.

Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics PERKESO mencerminkan komitmen kerajaan untuk memperkasa agenda kesejahteraan sosial dan ekonomi pekerja Malaysia, selain simbol pelaburan negara dalam inovasi kesihatan, keberdayaan tenaga kerja, dan sokongan menyeluruh kepada rakyat pasca kecederaan.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
8 Ogos 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my